



YUSOF (lima kanan) bersama Ahli Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Audit UMS yang mengadakan mesyuarat buat pertama kalinya di UMS Labuan, kelmarin. Turut kelihatan Ismail (empat kiri) dan Murnizam (tiga kiri).

Mesyuarat Jawatankuasa Audit UMS diadakan pertama kali di UMSKAL

UB 12-11-15 A13

LABUAN: Mesyuarat Jawatankuasa Audit Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kali Ke-34 telah diadakan di Bilik Seminar UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Datuk Dr Haji Yusof Haji Yacob itu diadakan buat pertama kalinya di UMSKAL, Wilayah Persekutuan Labuan.

Turut menghadiri mesyuarat yang bermula jam 9.30 pagi itu ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof Madya Dr Ismail Ali yang mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Hadir sama, Ahli Jawatankuasa Audit terdiri Datuk Richard Bainon, Datuk Pengiran Haji Mohd Hussein Datuk Pengiran Haji Mohd

Tahir Nasruddin dan Mustafar Taib (wakil Kementerian Kewangan Malaysia). Selain itu, Mohd Raffie Jannau yang mewakili Pemangku Pendaftar No'man Ahmad dan Ketua Bahagian Audit Dalam UMS Sabarudin Ramli selaku Setiausaha Jawatankuasa Audit.

Pada mesyuarat itu, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Mohamad

Tuah yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik membentangkan latar belakang pentadbiran UMSKAL.

Jawatankuasa itu turut mengadakan lawatan ke sekitar kampus termasuk kolej kediaman, kompleks dewan kuliah pusat dan perumahan kakitangan menggunakan bas Eco Kampus. Lawatan itu turut disertai Murnizam.